

02 JUL 2003

Dewan-Johor (VCD)

LEBIH 140,000 VCD LUCAH, CETAK ROMPAK DIRAMPAS DI JOHOR

JOHOR BAHRU, 2 Julai (Bernama) -- Lebih 140,000 cakera padat video (VCD) lucah dan cetak rompak bernilai lebih RM363,000 dirampas di seluruh Johor antara 14 Mei hingga 18 Jun berikutan peningkatan usaha penguatkuasaan membanteras jenayah itu, Dewan Undangan Negeri diberitahu hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Samat Aripin berkata rampasan itu adalah hasil pemeriksaan ke 1,102 premis tetap dan 111 premis terbuka.

"Hasil tindakan agresif dan bersepadu oleh agensi-agensi penguatkuasaan ke 335 premis perniagaan VCD, CD dan DVD yang beroperasi di negeri ini, 20 buah telah ditutup," katanya ketika menjawab soalan Freddie Long (BN-Stulang) ketika sesi soal jawab.

Premis yang ditutup mengikut daerah ialah 11 di Johor Baharu daripada 113 buah yang diperiksa, dua di Kluang daripada 66 buah yang diperiksa, tiga di Mersing (10) dan empat di Segamat (33), katanya.

Beliau berkata tindakan penguatkuasaan bersepadu yang agresif dijalankan berikutan keprihatinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap masalah itu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama negeri Hamzah Ramli pula berkata pada tahun 2000 terdapat 34,922 orang murid darjah satu di Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor berbanding 36,829 murid di sekolah-sekolah kebangsaan.

"Daripada data, terdapat 1,907 atau 5.2 peratus anak-anak Islam yang berumur tujuh tahun yang tidak mendaftar di sekolah agama kerajaan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Baharom Abdul Ghani (BN-Tanjung Kupang).

Katanya, berdasarkan perangkaan itu dapat dirumuskan bahawa walaupun kerajaan negeri belum mewajibkan pendaftaran masuk ke sekolah agama tetapi masyarakat Islam di negeri ini didapati menerima baik dan telah menjadikan sebagai satu budaya untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama.

Beliau berkata bagaimanapun terdapat juga ibu bapa yang memberhentikan anak-anak dari sekolah agama selepas darjah lima kerana ingin memberikan tumpuan kepada peperiksaan UPSR darjah enam di sekolah kebangsaan.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri Othman Jais ketika menjawab soalan Jamilah Endan (BN-Kukup) berkata terdapat 11 pusat penetasan dan kolam asuhan ternakan air yang diusahakan oleh syarikat swasta di negeri ini.

Katanya, antara spesies yang berjaya diusahakan ialah ikan siakap, ikan merah, ikan jenahak, ikan kerapu, ikan senangin dan ikan gerong-gerong.

-- BERNAMA

MNY MNY ZB